

RM600,000 bina 3 jeti nelayan

» Agropelancongan Parlimen Bukit Gelugor dijangka meningkat

Oleh Nur Izzati Mohamad
bhnews@bh.com.my

Tasek Gelugor

Aktiviti agropelancongan di Parlimen Tasek Gelugor dijangka meningkat dalam tempoh empat bulan akan datang berikutan pembinaan tiga jeti nelayan di kawasan itu.

Jeti Labuh Banting, Air Itam Dalam dan Pengkalan Machang di sini, masing-masing dibina dengan kos RM200,000, siap dibina pada akhir tahun lalu.

Ahli Parlimen Tasek Gelugor, Datuk Shabudin Yahaya, berkata antara program yang dirancang adalah mewujudkan inap desa, memperbanyakkan aktiviti pertanian dan perikanan dengan menjadikan jeti itu sebagai pusat pemasaran dan jualan produk perikanan serta pertanian.

Justeru, katanya, pihaknya dengan sokongan Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA) dalam proses merangka beberapa program dan aktiviti bagi menarik pelancong merasa percutan di kawasan perkampungan.

“Penduduk dan pelancong juga dapat menyusuri sungai dengan bot bagi menghayati alam semula jadi serta me-



Shabudin (kanan) dan ADUN Sungai Dua, Muhamad Yusoff Mohd Noor (kiri) **meninjau jeti nelayan** Labuh Banting, Tasek Gelugor yang sudah siap, semalam.

[FOTO ZULFA MOHAMAD/BH]

mancing ikan dan udang galah,” katanya selepas melawat Jeti Labuh Banting, semalam.

Tingkat pendapatan

Shabudin berkata, aktiviti dirancang bakal memberi nilai tambah kepada nelayan serta penduduk yang secara tidak langsung dapat meningkatkan pendapatan menerusi penyeritaan mereka dalam program itu.

Beliau yang juga Pengerusi PERDA, berkata pihaknya juga mendapat bantuan daripada agensi kerajaan termasuk Jabatan Perikanan, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) serta Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU) Jabatan Perdana Menteri bagi merubah wajah kawasan Tasek Gelugor kepada kawasan pelancongan.

“Kita berharap penduduk kampung dapat bersama men-

jayakan aktiviti agropelancongan supaya usaha ini tidak sia-sia,” katanya.

Shabudin berkata, pihaknya juga merancang untuk mewujudkan jawatankuasa untuk menubuhkan koperasi bagi mengendalikan jeti berkenaan.

Koperasi berkenaan dijangka memanfaatkan 300 penduduk di Labuh Banting, Air Itam Dalam dan Pengkalan Machang.